

'ADUN DAP angkuh pada peniaga nasi kandar'
Malaysiakini.com
January 10, 2011

Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan perbuatan kasar ADUN Komtar Ng Wei Aik terhadap peniaga nasi kandar Syed Kassali Mohamad Aliyar sebagai tindakan yang angkuh.

Abdullah, yang juga anggota Parlimen Kepala Batas, berkata adalah tidak wajar bagi Ng mencampuri urusan penguatkuasaan dengan mengambil tindakan sendiri terhadap Syed Kassali.

"Dulu mereka (DAP) tuduh kita sombong, kita (Umno) angkuh, rupa-rupanya mereka yang angkuh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas di Kepala Batas, hari ini.

Abdullah diminta mengulas tindakan Ng yang hadir bersama-sama beberapa orang dan mengarahkan penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk menyita barangan di restoran milik Syed Kassali pada 2 Jan lepas.

Akhbar melaporkan Ng, yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Lim Guan Eng, secara kasar merampas barangan di premis itu tanpa sebarang notis.

Abdullah berkata Ng sepatutnya hanya perlu melaporkan kepada pihak berkuasa jika beliau mendapati peniaga berkenaan melakukan sebarang kesalahan undang-undang.

"Di mana-mana pun kita tak boleh guna kekuatan sendiri. Kalau tidak merujuk kepada apa-apa peraturan yang telah ditetapkan, tak boleh dan itu tak kena cara," katanya.

--Bernama